



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 7 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **16,323 kes** (1,009,343 kes kumulatif, 81.2%);
- Kes baharu : **19,257 kes** (1,243,852 kes kumulatif);
- Kes import : **16 kes** (10 warganegara, 6 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **19,241 kes** [15,893 warganegara (82.6%); 3,348 bukan warganegara (17.4%)];
- Kes aktif : **224,120 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,097 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **575 kes**;

- Kes kematian : **210 kes** (10,389 kes kumulatif, 0.83%; 177 warganegara, 33 bukan warganegara); BID : 34 kes (22 warganegara, 12 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,899 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **36 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,702 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,197 kluster**.


Daripada **19,257 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **740 kes (3.8 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **18,517 kes (96.2 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, hanya **4,178 kes (21.7 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi COVID-19. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 7 OGOS 2021



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **210 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **88 kes** di Selangor, **33 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **28 kes** di Johor, **17 kes** di Kedah, **13 kes** di Sabah, **lapan (8) kes** di Melaka, **enam (6) kes** di Perak, masing-masing **lima (5) kes** di Negeri Sembilan dan Kelantan, **empat (4) kes** di Pulau

Pinang, serta masing-masing **satu (1) kes** di Pahang, Sarawak, dan Perlis.

Pada tahun 2021, Malaysia telah melaporkan sebanyak **9,918 kes** kematian COVID-19 berbanding dengan **471 kes** kematian COVID-19 pada tahun 2020. Daripada jumlah kes kematian pada tahun ini (sehingga 7 Ogos 2021), sebanyak **8,615 kes** kematian (**86.9 peratus**) merupakan kematian di hospital dan **1,303 kes** kematian (**13.1 peratus**) *brought in dead* (BID). Sebanyak **8,081 kes (93.8 peratus)** kes kematian di hospital melibatkan Warganegara Malaysia. Bagi kes kematian BID pula, sebanyak **819 kes (62.9 peratus)** melibatkan Warganegara Malaysia, manakala **484 kes (37.1 peratus)** lagi melibatkan Bukan Warganegara Malaysia. Bagi **7 Ogos 2021**, terdapat 34 kes BID di mana 22 kes merupakan warganegara dan 12 kes bukan warganegara.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 6 OGOS 2021)

Berdasarkan data terkini pada **6 Ogos 2021**, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.09. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Kelantan (nilai RT 1.28) diikuti oleh Sabah dan Terengganu (nilai RT 1.19), serta Perak dan Pulau Pinang (nilai RT 1.18). Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Perlis dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

7 Ogos 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 7 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	7,084 (1)	458,450
WP KUALA LUMPUR	2,450 (15)	138,521
JOHOR	1,182	99,144
SABAH	1,255	92,456
SARAWAK	573	80,747
NEGERI SEMBILAN	884	77,637
KEDAH	1,514	54,988
PULAU PINANG	959	51,674
KELANTAN	930	48,563
PERAK	774	43,063
MELAKA	414	35,058
PAHANG	714	28,523
TERENGGANU	425	20,098
WP LABUAN	2	9,709
WP PUTRAJAYA	56	4,415
PERLIS	41	806
JUMLAH KESELURUHAN	19,257 (16)	1,243,852

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 210 kes kematian pada 7 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	88	51	37	69	19	67	57	10	21	12	9	63
WP Kuala Lumpur	33	25	8	24	9	31	23	8	2	1	1	24
Johor	28	17	11	27	1	26	25	1	2	2	0	23
Kedah	17	8	9	17	0	17	17	0	0	0	0	14
Sabah	13	9	4	10	3	6	5	1	7	5	2	10
Melaka	8	7	1	7	1	7	6	1	1	1	0	4
Perak	6	5	1	6	0	6	6	0	0	0	0	5
Kelantan	5	2	3	5	0	5	5	0	0	0	0	5
Negeri Sembilan	5	2	3	5	0	5	5	0	0	0	0	4
Pulau Pinang	4	3	1	4	0	4	4	0	0	0	0	4
Perlis	1	0	1	1	0	1	1	0	0	0	0	1
Pahang	1	1	0	1	0	1	1	0	0	0	0	0
Sarawak	1	0	1	1	0	0	0	0	1	1	0	1
Jumlah	210	130	80	177	33	176	155	21	34	22	12	158

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 19,257 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 7 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	7,084	490	3,539	1	3,054
WP KUALA LUMPUR	2,450	132	1,077	15	1,226
KEDAH	1,514	94	875	-	545
SABAH	1,255	132	617	-	506
JOHOR	1,182	218	680	-	284
PULAU PINANG	959	133	382	-	444
KELANTAN	930	202	540	-	188
NEGERI SEMBILAN	884	18	543	-	323
PERAK	774	105	387	-	282
PAHANG	714	86	490	-	138
SARAWAK	573	60	323	-	190
TERENGGANU	425	77	258	-	90
MELAKA	414	75	221	-	118
WP PUTRAJAYA	56	-	28	-	28
PERLIS	41	-	16	-	25
WP LABUAN	2	-	-	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	19,257	1,822	9,976	16	7,443

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 7 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Kundang Sepertiga	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	148	263
2	Industri Jalan 22	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	71	565
3	Industri Batu Tujuh Setengah	Tempat Kerja	Selangor	Klang	52	142
4	Industri Jalan Dua Olak	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	50	245
5	Jalan Rusa Scientex 2	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	36	191
6	Industri Jalan Bangi Batu Dua Setengah	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	36	83
7	Industri Senai 33	Tempat Kerja	Johor	Kulai, Kota Tinggi, Kluang dan Pontian	33	605
8	Industri Murni 37	Tempat Kerja	Johor	Kulai	30	56
9	Industri Teknologi Subang	Tempat Kerja	Selangor	Petaling dan Klang	28	2262
10	Changkat Asa	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	21	39
11	Perindustrian Hijau Jaya	Tempat Kerja	Johor	Pontian	18	118
12	Industri Senai PLO Satu	Tempat Kerja	Johor	Kulai	15	122
13	Muara Damai	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	14	39
14	Kampung Gual Nering	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas	13	37
15	Jalan Cheroh Raub	Tempat Kerja	Pahang	Raub	13	15
16	Jalan Pasar Batu Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Kuala Selangor	12	46
17	Jalan Lembah Sireh	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	8	17

18	Tapak Bina Balai Bomba Menjalara	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	7	12
19	Dah Kampung Durian	Komuniti	Kedah	Sik	33	48
20	Kampung Gunung Tungal	Komuniti	Perak	Manjung	29	83
21	Kampung Paya Besar Kertau	Komuniti	Pahang	Maran	29	68
22	Taman Fairmont	Komuniti	Pahang	Kuantan	26	56
23	Sungai Bot Karak	Komuniti	Pahang	Bentong	25	30
24	Batu Jong	Komuniti	Kelantan	Kuala Krai	19	31
25	Permatang Guntong Intan	Komuniti	Perak	Hilir Perak	19	37
26	Sungai Serindak	Komuniti	Sarawak	Selangau	19	35
27	Kampung Chekok Serendah	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	18	34
28	Bukit Kuantan	Komuniti	Pahang	Kuantan	16	56
29	Kampung Binjal Kubang Terap	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	15	30
30	Sarikan	Komuniti	Sabah	Nabawan	14	48
31	Kampung Kubang Golok	Komuniti	Kelantan	Bachok	10	39
32	Taman Sri Zasna	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	9	13
33	Kampung Kedai Lalat	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	8	20
34	Kampung Che Deris	Institusi Pendidikan KPM	Kelantan	Kota Bharu	8	15
35	Tanah Tinggi Lebu	Keagamaan	Pahang	Bentong	20	30
36	Lebuh Empat	Pusat Tahanan	Sabah	Sandakan	50	122

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 6 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
KELANTAN	1.28
TERENGGANU	1.19
SABAH	1.19
PERAK	1.18
PULAU PINANG	1.18
KEDAH	1.15
JOHOR	1.14
WP KUALA LUMPUR	1.10
SARAWAK	1.10
WP PUTRAJAYA	1.10
PAHANG	1.09
MELAKA	1.07
SELANGOR	1.07
NEGERI SEMBILAN	1.00
WP LABUAN	0
PERLIS	0
JUMLAH KESELURUHAN	1.09